

Penyata Pengerusi


PENDAHULUAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah IJM Corporation Berhad, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir 31 Disember 1999.

KEPUTUSAN OPERASI

Setelah mengharungi dugaan dan pergolakan krisis kewangan serantau yang menular pada tahun 1997 dan 1998, Malaysia mula menampilkan masa depan yang cerah dalam proses pemulihan ekonomi pada awal tahun 1999. Ini berikutan dasar fiskal dan kewangan mengembang dan berpandangan jauh yang menghasilkan tahap kecairan yang tinggi, kadar faedah yang rendah dan penetapan kadar tukaran Ringgit, berserta dengan permintaan luaran yang bertambah telah merangsang ekonomi Malaysia menuju ke arah pemulihan yang kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak 5.4% pada tahun 1999, mengubah pertumbuhan KDNK negatif sebanyak 7.5% yang dicatatkan pada tahun 1998.

Peningkatan ekonomi Malaysia yang ketara dan sumbangan sulung daripada pelaburan dalam bidang infrastruktur di luar negeri membolehkan Kumpulan mencapai rekod keuntungan sebelum cukai sebanyak RM139.43 juta (1998: RM70.74 juta) didorong oleh perolehan sebanyak RM1,209.97 juta (1998: RM1,148.52 juta). Ini merupakan satu peningkatan yang ketara dalam keuntungan sebelum cukai iaitu sebanyak 97.1% berbanding pada tahun 1998. Kesan daripada tahun pelepasan cukai di Malaysia dan kelapasan cukai bagi pelaburan Kumpulan di luar negeri dalam projek infrastruktur meningkatkan lagi



keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti kepada RM117.68 juta (1998: RM39.13 juta) dan pendapatan asas sesaham kepada 34.2 sen (1998: 11.4

sen), masing-masing mewakili pertambahan sebanyak 200% dan 193%.

Sepanjang tahun 1999, pencapaian Bahagian Pembinaan adalah di luar jangkaan memandangkan ia berupaya menyegerakan atau memulakan semula sebilangan projek berikutan kelonggaran dalam dasar kewangan yang membantu sesetengah pelanggan lebih bersedia menjelaskan hutang tertunggak dan memulakan semula kerja pembinaan. Kelonggaran dalam dasar kewangan sebagaimana yang disarankan



Riana Green phase 2,
Petaling Jaya

oleh Kerajaan Malaysia melalui pakej perangsang ekonomi perlu dilaksanakan untuk memulihkan ekonomi. Bahagian Hartanah mencapai keputusan yang lebih baik dan amat berterima kasih kepada Kempen Pemilikan Rumah serta persekitaran kadar faedah yang rendah yang mendorong peningkatan dalam jualan. Bahagian Industri menyaksikan pemulihan aktiviti yang sederhana menyebabkan peningkatan dalam perolehan dan beralih arah mencatatkan keuntungan berbanding kerugian pada tahun 1998. Bahagian Infrastruktur merekodkan keputusan yang sangat membanggakan memandangkan ianya mencatatkan kenaikan sumbangan keuntungan daripada pelaburan di China serta sumbangan sulung daripada pelaburan dalam lebuhraya bertol di Argentina dan konsesi bekalan air di Vietnam. Bahagian Pendidikan mencapai keuntungan buat kali pertama walaupun kecil setelah 6 tahun mencatatkan kerugian operasi berikutan peningkatan pengambilan pelajar ekoran kepelbagaian program pendidikan yang ditawarkan.

Bahagian Perladangan, yang telah membantu mengekalkan prestasi Kumpulan ketika tercetusnya krisis kewangan dua tahun yang lepas, merekodkan


kejatuhan yang besar dalam sumbangan keuntungan berbanding pada tahun 1998 akibat daripada kemerosotan ketara pada harga minyak sawit mentah (MSM).

DIVIDEN

Ekoran daripada keputusan yang membanggakan, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 6% (1998: 5% ditolak cukai pendapatan), tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Yang Keenam Belas.

MODAL SAHAM

Pada tahun ini, modal saham Syarikat yang diterbitkan bertambah sedikit daripada RM342,089,654 kepada RM345,965,654 hasil daripada pelaksanaan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan.



STRATEGI OPERASI

Tahun 1999 merupakan detik yang bersejarah apabila dana pemegang saham melebihi RM1 bilion buat kali pertama. Tumpuan terhadap pengurangan hutang dan penyusunan semula sememangnya menghasilkan penggearan yang lebih rendah serta peralihan ketara daripada pinjaman jangka pendek kepada pinjaman jangka panjang supaya dapat dipadankan dengan profil aliran tunai pelaburan. Kumpulan berharap dapat memanfaatkan kesemua kekuatan yang dimiliki untuk mencari lebih banyak peluang perniagaan yang baru.

Sungguhpun secara bandingan sektor pembinaan tidak begitu menggalakkan sepanjang tahun 1999 dengan kekurangan inisiatif daripada sektor swasta, Bahagian Pembinaan berjaya memperolehi kontrak domestik bernilai lebih daripada RM470 juta di samping kontrak di luar negeri bernilai RM140 juta. Pendekatan pasaran eksklusif Bahagian serta penekanan terhadap keunggulan menerusi kualiti terus membuahkan hasil. Strategi dan dasar tersebut akan terus menjadi panduan kepada Bahagian dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan pada tahun 2000.

Dalam menyahut seruan untuk memulihkan sektor hartanah, terutamanya perumahan kos rendah dan sederhana serta perumahan mewah terpilih di lokasi yang baik, Kumpulan telah memulihkan beberapa projeknya di lokasi berasingan di Malaysia. Di Australia,

Kumpulan telah memperolehi tapak pembangunan tambahan untuk dibangunkan pada masa depan. Bahagian yakin bahawa penekanan ke atas pengeluaran produk yang terancang dan berkualiti unggul akan memberi pulangan yang memuaskan dalam jangka masa panjang.

Bahagian Industri yang telah menyelaraskan perniagaannya berada dalam kedudukan yang selesa untuk menunjukkan keuntungan hasil daripada pertambahan dalam aktiviti pembinaan pada tahun 2000. Peningkatan dalam penggunaan kapasiti seharusnya memperkukuhkan prestasi Bahagian ini.

Bahagian Infrastruktur sewajarnya memperlihatkan peningkatan dalam keuntungan pada tahun 2000 apabila Kumpulan mengiktiraf keputusan sepenuh tahun syarikat bersekutu milikan 20%, Grupo Concesionario del Oeste S.A. (GCO), Argentina dan syarikat bersekutu milikan 36%, Binh An Water Corporation Limited (BAWC), Vietnam. Kumpulan menjangkakan kerja pembinaan loji jana kuasa 350 MW di bawah Gautami Power Pte Limited di Andhra Pradesh, India akan bermula pada separuh tahun kedua 2000 sebaik sahaja mendapat kelulusan rasmi untuk pembangunan.

Bahagian Perladangan yang menambah kawasan ladang penanaman daripada 9,356 ekar kepada 33,048 ekar pada tahun 1999 akan meneruskan program penanaman untuk memastikan kapasiti pengeluaran Bahagian berkembang dengan pesat demi memperkukuhkan keuntungan pada tahun-tahun akan datang.

Berikutan pengumuman penyusunan semula operasi dan aset-aset berkaitan Bahagian Pendidikan baru-baru ini serta perkongsian strategik dengan Kumpulan INTI, kami menjangkakan pulangan yang lebih baik daripada Bahagian ini pada tahun-tahun akan datang.

Pada separuh tahun pertama 2000, Syarikat akan melaksanakan penyusunan semula dalaman yang melibatkan peralihan pelaburan Kumpulan kepada IJM Construction Sdn Bhd (IJMC), IJM Properties Sdn Bhd (IJMP) dan Malaysian Rock Products Sdn Bhd (MRP). IJMC, IJMP dan MRP merupakan syarikat subsidiari milikan penuh Syarikat serta masing-masing merupakan syarikat pegangan pertengahan untuk bahagian pembinaan, hartanah dan industri. Cadangan untuk mengadakan penyusunan semula adalah untuk menyelaraskan struktur korporat semasa bagi meningkatkan lagi kecekapan operasi Kumpulan.

PROSPEK

Berikutan pencapaian pertumbuhan KDNK sebanyak 5.4% pada tahun 1999, Kerajaan mengkaji semula ramalan pertumbuhan KDNK 2000 dalam Belanjawan 2000 yang pertama kalinya dibentangkan pada 29 Oktober 1999 daripada 4.3% kepada 5.8%. Ini jelas mengukuhkan pandangan kebanyakan para penganalisis yang berpendapat bahawa Malaysia bersedia untuk mencatatkan satu lagi pertumbuhan KDNK yang kukuh pada tahun 2000.

Berdasarkan optimisme pertumbuhan ekonomi yang berterusan di Malaysia dan kebanyakan ekonomi di rantau Asia dan negara-negara lain, khasnya di negara-negara di mana Kumpulan beroperasi, Kumpulan menjangkakan prestasi yang lebih memuaskan daripada Bahagian-bahagiannya.

Penekanan Kerajaan Malaysia yang berterusan ke atas perbelanjaan sektor awam melalui Belanjawan 2000 baru-baru ini dan aktiviti pembangunan yang sedang berjalan membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Ini merupakan petanda baik untuk perniagaan teras Kumpulan dalam bidang pembinaan serta perkilangan & kuari. Bahagian Hartanah akan terus mendapat manfaat ekoran kenaikan dalam pendapatan boleh guna dan permintaan untuk perumahan mampu milik dan berkualiti. Bahagian Hartanah kini bersedia untuk memenuhi peningkatan permintaan tersebut. Sumbangan daripada projek infrastruktur di luar negeri seharusnya menyaksikan prestasi yang lebih baik ekoran daripada pengiktirafan keputusan sepenuh tahun pelaburan Kumpulan di GCO dan BAWC dengan mengamalkan dasar perakaunan ekuiti. Dengan pertambahan kawasan perladangan dan kelapa sawit yang matang dan produktif, Bahagian Perladangan akan menunjukkan pencapaian yang memuaskan pada tahun 2000 memandangkan harga MSM kekal pada paras melebihi RM1,000 setan. Kumpulan yakin bahawa Bahagian Pendidikan sewajarnya mempunyai masa depan yang lebih cerah setelah berjaya mencapai keuntungan pada tahun 1999 berbanding keputusan negatif pada tahun-tahun sebelumnya.



Mr. Krishnan Tan with Mr. Jagmohan, Minister for Urban Development and Poverty Alleviation, India and Dato' Seri S. Samy Vellu, Minister of Works, Malaysia at IJM's exhibition booth during the Infranet '99 in New Delhi



PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan atas komitmen dan sumbangan mereka sepanjang tahun 1999. Tahun hadapan akan terus menjadi tahun yang mencabar memandangkan kita akan menerokai peluang yang bakal wujud dalam proses pemulihan ekonomi. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham, rakan-rakan sekutu, para pelanggan, jurubank, subkontraktor dan pembekal atas sikap timbang rasa serta sokongan berterusan kepada Kumpulan.



Board of Directors and management staff at the Sabang Bridge during their visit to the plantations in Sabah

PEMATUHAN TAHUN 2000 (Y2K)

Operasi Kumpulan adalah bebas daripada masalah Y2K dan tidak mungkin terdedah kepada isu yang boleh memberi kesan sampingan terhadap kegiatan operasi dan kewangan.

TADBIR URUS KORPORAT

Kumpulan sentiasa menitikberatkan amalan tadbir urus korporat yang berwibawa. Bertitik-tolak daripada objektif tersebut, Syarikat kini menganggotai Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia yang baru ditubuhkan. Institut tersebut sedang merangka satu kod amalan terbaik kebangsaan mengenai tadbir urus korporat serta program pendidikan dan latihan yang menyeluruh untuk pengarah, pihak pengurusan dan peserta-peserta korporat lain.



**TAN SRI DATO' HAJI AHMAD AZIZUDDIN
BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

Pengerusi


Chairman's Statement

INTRODUCTION

On behalf of the Board of Directors of IJM Corporation Berhad, I am pleased to present the Annual Report and the Financial Statements of the Group and the Company for the year ended 31 December 1999.

OPERATING RESULTS

After the trials and tribulations of the contagious regional financial crisis of 1997 and 1998, Malaysia saw light at the end of the tunnel at the beginning of 1999. Boosted by far-sighted expansionary fiscal and monetary policies leading to high liquidity, low interest rates and a pegged Ringgit, coupled with buoyant external demand, the Malaysian economy propelled to a solid recovery with a 1999 gross domestic product (GDP) growth of 5.4%, reversing the negative 7.5% GDP growth of 1998.



As a result of a vastly improved Malaysian economy and maiden contributions from overseas infrastructure investments, the Group achieved a record pre-tax profit of RM139.43 million (1998: RM70.74 million) on the back of a turnover of RM1,209.97 million (1998: RM1,148.52 million), representing a significant improvement of 97.1% over the pre-tax profit of 1998. The impact of the tax-waiver year in Malaysia and tax holidays for the Group's overseas investments in infrastructure projects further enhanced post-tax profit after minority interest to RM117.68 million (1998: RM39.13 million) and basic earnings per share to 34.2 sen (1998: 11.4 sen), representing growth of 200% and 193% respectively.

During 1999, the Construction Division performed above expectation as it was able to expedite or restart several projects following the easing of the monetary policy, made possible by the Malaysian Government's stimulus package to revive the economy, which helped some clients to readily settle outstanding debts and recommence work. The Properties Division achieved a better set of results, thanks to the Home Ownership Campaign and a low interest rate environment which helped to increase sales. The Industries Division witnessed modest revival in activities resulting in a higher turnover and a turnaround to profitability from a loss position in 1998. The Infrastructure Division

recorded vastly improved results as it is able to record higher profit contribution from its investments in China and maiden contributions from its investments in a tolled expressway in Argentina and a water concession in Vietnam. The Education Division achieved a significant albeit small profit for the first time after 6 years of operating losses due to higher students intake attributable to an expansion of programmes.

The Plantations Division, which helped to sustain the Group's performance during the financial crisis in the last two years, recorded a major decline in profit contribution compared to 1998 due to a significant decline in crude palm oil prices (CPO).

DIVIDEND

With the improved results achieved, the Board of Directors proposes a final tax-exempt dividend of 6% (1998: 5% less income tax), subject to shareholders' approval at the 16th Annual General Meeting of the Company.

SHARE CAPITAL

During the year, the issued share capital of the Company increased marginally to RM345,965,654 from RM342,089,654 arising from the exercise of options under the Employees Share Option Scheme.

OPERATIONAL STRATEGIES

A new milestone was reached in 1999 with shareholders' fund topping the RM1.00 billion mark for the first time. Focused attention on debt reduction and restructuring has resulted in a much lower gearing position and a significant shift from short-term borrowings into longer-term debts to match cashflow profiles of our investments. The Group hopes to capitalise on these strengths to pursue more new business opportunities.



Exchange of documents between Dato' Mohamed Jaffar Mohd Ali, chairman of Nilai Cipta Sdn Bhd and Mr Peter Boyles, deputy CEO, HSBC Bank Malaysia Berhad.

Despite a comparatively subdued construction environment in 1999 with very little private sector initiatives, the Construction Division managed to secure more than RM470 million worth of contracts locally. Overseas contracts worth RM140 million were also clinched. The Division's niche marketing approach as well as strong emphasis on excellence through

quality continues to pay dividends. Such strategies and policies will continue to guide the Division in its search for further growth in 2000.

In response to the recovery in the property sector, especially low and medium cost residential units and selective higher-end residential units in good locations, the Group has revived several projects in various locations in Malaysia. In Australia, the Group has also acquired additional developments sites for future development. The Division is confident that its emphasis on producing well planned products with excellent quality would yield good returns on the long haul.


The Industries Division, which has been rationalising its businesses, is well positioned to profit from increasing construction activities in 2000. Further improvements in its capacity utilisation should enhance the Division's performance.

The Infrastructure Division should see further growth in profitability in 2000 when the Group recognises a full-year's results from its 20% associate, Grupo Concesionario del Oeste S.A. (GCO), Argentina and 36% associate, Binh An Water Corporation Limited (BAWC), Vietnam. The Group expects construction of the 350 MW power plant under Gautami Power Pte Limited in Andhra Pradesh, India to take off in the later half of 2000 upon formalisation of all approvals for development.

The Plantations Division increased its planted acreage by 9,356 acres to 33,048 acres in 1999 and will continue with its planting programme which will ensure that the Division's greatly expanded production capacity will enhance profitability in the coming years.

Following the recently announced restructuring of the Education Division's operations and its related assets following a strategic partnership with the INTI Group, we anticipate better returns from this division in future years.

During the first half of 2000, the Company will be undertaking an internal restructuring exercise involving the transfer of investments within the Group to IJM Construction Sdn Bhd (IJMC), IJM Properties Sdn Bhd (IJMP) and Malaysian Rock Products Sdn Bhd (MRP). IJMC, IJMP and MRP are wholly-owned subsidiaries of the Company, and are the intermediate holding companies for the construction, properties and industries divisions respectively. The proposed restructuring exercise is to rationalise the current corporate structure to further improve operational efficiencies within the Group.



OUTLOOK

Following the 1999 GDP growth of 5.4%, the Government revised upward the 2000 GDP growth forecast to 5.8% from the 4.3% announced when Budget 2000 was first tabled on 29 October 1999. This clearly reinforces the views of most analysts that Malaysia is poised to register another strong GDP growth in 2000.

Given the optimism for continuing economic growth in Malaysia and most economies in Asia and elsewhere, especially in countries where the Group operates, the Group expects improved performance from its various divisions.

The Malaysian Government's continuing emphasis on the public sector spending to help spur the economic growth is evident from the recent Budget 2000 presentation and activities on the ground. This augurs well for the Group's core businesses in construction and manufacturing & quarrying. The Properties Division will continue to benefit from rising disposal income and demand for affordable and quality housing. The Properties Division is well positioned to meet the increasing demand. Contribution from overseas infrastructure projects should see further improvement as the Group equity accounts for a full year's results from its investments in GCO and BAWC. With increased acreage and more productive matured palms, the Plantations Division will perform well in 2000 as the CPO price is sustained above RM1,000 per tonne. Having turned the corner in 1999, the Group is confident that the Education Division should see better days ahead.

Y2K COMPLIANCE

The Group's operations were not affected by any Y2K problem and is unlikely to be exposed to issues which might significantly affect its operational and financial activities.

CORPORATE GOVERNANCE

The Group has always emphasized good corporate governance practices. In furtherance of this objective, the Company is now a member of the recently formed Malaysian Institute of Corporate Governance which is currently developing a national code of best practice on corporate governance and also a comprehensive education and training programme for directors, management and other corporate participants.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors, I would like to thank the management and all employees of the Group for their commitment and contribution during 1999. The year ahead will continue to be a challenging one as we tap the opportunities that the road to economic recovery brings. I would also like to take the opportunity to thank the shareholders, associates, clients, bankers, sub-contractors and suppliers for your continued understanding and support to the Group.

**TAN SRI DATO' HAJI AHMAD AZIZUDDIN
BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**
Chairman